

Tingkat kefahaman sistem pilihan raya, kenegaraan

SIDANG REDAKSI

Pengarang Kumpulan BH
Khaidir A. Majid

Pengarang Eksekutif Kanan
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif Komersial dan
Ehwal Semasa
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Eksekutif Berita dan Digital
M Thillinadan

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
Azhar A. Samah

Pengarang Kandungan BM
Vertikal Pendidikan
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan
Mohd Zin Mohd Ali

Penyunting
Ili Ruzana Razali

Wartawan
Nor Azma Laila
Nas Norziela Nasbah
Mohd Khairul Anam Md Khairudin

Artis Eksekutif
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
E-mel: educationNSD@
mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Beri impak dan capai objektif pindaan anak muda #undi18 keluar mengundi

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pindaan terhadap Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang menurunkan had usia mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun menimbulkan pelbagai reaksi kerana dikatakan boleh banyak implikasi khususnya kepada golongan muda.

Walaupun langkah yang diambil itu dilihat dapat memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada golongan muda, namun terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Pengerusi Keilmuan Nasional, Zambri Mohd Isa, berkata terdapat hampir 3.6 juta rakyat Malaysia yang majoritinya adalah dalam kalangan generasi muda yang masih belum mendaftar sebagai pengundi.

“Sikap acuh tak acuh mereka akan menyumbang kadar peratusan yang tidak keluar mengundi yang tinggi pada PRU akan datang apabila kesemua didaftarkan secara automatik. “Selain itu, masih belum ada

satu pun kajian dikeluarkan dan ditunjukkan mengenai tahap kefahaman generasi muda khususnya 18 tahun untuk benar-benar memahami proses kenegaraan dan sistem pilihan raya yang dikhuatiri tahap kefahaman mereka sangat rendah,” katanya ketika dihubungi *BH Varsiti*.

Zambri berkata, pihak kerajaan juga tidak menunjukkan apa-apa perancangan mengenai bagaimana untuk memastikan pelajar di peringkat sekolah menengah memahami sistem kenegaraan terutama proses pilihan raya.

“Situasi ini dikhuatiri akan menambahkan bilangan peratusan yang tidak keluar mengundi,” katanya.

Beliau mencadangkan agar pelaksanaan pindaan itu ditangguhkan dan diwujudkan Jawatan Kuasa Bersama membabitkan pihak kerajaan, pembangkang, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pemegang taruh bagi meneliti pelaksanaannya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata antara isu yang sering kali dikaitkan dengan golongan muda adalah pinjaman pendidikan.

Beliau berkata, isu membabitkan pinjaman pendidikan sentiasa mendapat tempat dalam negara kita terutama setiap kali tibanya musim pilihan raya.

“Sudah pasti peminjam akan mengambil jalan mudah untuk menyokong pihak yang menabur



Zambri Mohd Isa



Dr Muzaffar Syah Mallow



Mohd Alif Anas Md Noor

pelbagai janji manis bagi meringankan beban hutang mereka.

“Akibatnya, peminjam berkenaan akan terus berlelang-langkah untuk membayar kembali pinjaman yang dibuat oleh mereka sendiri kerana mengharapkan segala janji manis yang diberikan kepada mereka ditunaikan oleh pihak terbabit,” katanya.

Beliau berkata, isu pinjaman pendidikan dan golongan muda tidak dapat dipisahkan kerana rata-rata belia berusia 25 tahun ke bawah memerlukan bantuan pinjaman pendidikan bagi menyanggah pengajian mereka.

“Pinjaman pendidikan ini juga sentiasa menjadi isu hangat kerana terdapat ramai peminjam golongan muda ini yang didapati liat, lewat dan gagal untuk melunaskan pinjaman pendidikan masing-masing mengikut tempoh yang ditetapkan selepas tamatnya pengajian mereka,” katanya.

Bagi Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Mohd Alif Anas Md Noor, kedua-dua pindaan had umur mengundi dan had umur belia adalah bukti kesungguhan kerajaan untuk membawa golongan muda negara ini pada tahap yang baharu.

Bagaimanapun, katanya, GPMS berharap agar semua pihak terutama ibu bapa dan kerajaan untuk menyediakan satu kerangka pendidikan politik dan sivik yang lebih holistik dan komprehensif.

Beliau berpendapat ibu bapa kini mempunyai tugas tambahan untuk mengajar anak masing-masing nilai sivik terutama menolak fitnah, siasat sebelum percaya dan patriotisme.

“Selain itu, GPMS berharap institusi sekolah, universiti dan kolej sebagai, kawasan pemurnian kesedaran sivik dan politik dengan menolak, medan politik melampau oleh parti politik.

“Perlu ada perbezaan apabila sesuatu aktiviti atau tempat dijadikan kawasan pemurnian politik dan sivik matang serta kawasan politik melampau,” katanya.

Beliau berkata, isu had umur keluar mengundi dan menjadi wakil rakyat bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas serta pendaftaran automatik, juga menunjukkan kerajaan melakukan intervensi berbentuk tolakan konstruktif agar rakyat Malaysia lebih cakna politik.

“Dengan had umur yang baharu, lebih ramai anak muda diberikan suara kuat untuk menentukan hala tuju masa depan negara,” katanya.



Generasi muda
yang diberi peluang
mengundi seawal
usia 18 tahun perlu
bijak membuat
pilihan. (Foto hiasan)